

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 71

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam menaik taraf kualiti perfileman negara agar dapat bersaing dengan negara luar dengan penggunaan teknologi perfileman terbaru.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian melalui *Content Malaysia Pitching Centre* telah mewujudkan *New Funding Framework* bagi pembangunan skrip di peringkat pra-produksi untuk memantapkan penceritaan sebelum diterbitkan. Melalui kaedah baharu ini, pemberian dana dipecahkan kepada dana pembangunan skrip dan dana penerbitan. Dengan adanya dana pembangunan skrip ini, membolehkan cerita dan skrip digarap dengan

SOALAN NO: 75

lebih mantap serta dikaji secara mendalam sebelum proses penerbitan dimulakan. Penilaian skrip juga akan melalui proses penapisan dan penambahbaikan daripada pakar-pakar skrip dari empat (4) negara iaitu United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis dan Jepun. Proses ini sebagai langkah untuk memastikan potensi sesuatu cerita atau skrip untuk dipertaruhkan kepada pasaran antarabangsa.